

TARIKH: 27/6/23

SURAT KHABAR: Kosmo Negara

MUKA SURAT: 5

Kosmo: Negara 27/6/23 mss5

## Kaji skim caruman suri rumah lelaki

**KUALA LUMPUR** — Kerajaan akan mempertimbangkan cadangan agar Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) diperluaskan kepada golongan lelaki yang menjadi suri rumah.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Mustapha Sakmud berkata, kerajaan bagaimanapun buat masa ini menetapkan takrifan suri rumah adalah golongan wanita sahaja.

"Kita sudah bentang (SKSSR) dan sudah diluluskan. Buat masa ini takrifan yang dibuat kerajaan dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dan dipersetujui Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara suri rumah adalah wanita sahaja.

"Kalau ada keperluan mengambil kira kaum lelaki (dalam takrifan SKSSR), saya fikir kita boleh fikirkan cadangan itu di kemudian hari.

"Tetapi secara kolektif kerajaan telah bersetuju untuk pelaksanaan Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 (Akta 838) meliputi wanita sahaja sebagai permulaan," katanya pada sidang Dewan Negara di sini semalam.

Beliau menjawab soalan



KERATAN Kosmo! 9 Mac 2022.

tambahan Senator Dominic Lau Hoe Chai sama ada takrifan suri rumah dalam Perkeso akan diperluaskan kepada kategori 'househusband' iaitu lelaki yang menguruskan rumah tangga termasuk duda dan bapa tunggal.

Mustapha memaklumkan, seramai 178,098 wanita sudah mencarum SKSSR bagi tempoh Disember 2022 hingga 19 Jun lalu termasuk 166,666 dalam senarai eKasih yang dibayarkan oleh kerajaan.

Kosmo! pada 9 Mac 2022 melaporkan, pendapatan isteri yang lebih tinggi antara punca lebih ramai lelaki kini sanggup menjadi suri rumah sepenuh masa, malah ada antara wanita yang memberi suami mereka 'elaun' RM2,000 sebulan.



TREND isteri keluar bekerja, manakala suami pula menjadi suri rumah semakin diterima di negara ini. — GAMBAR HIASAN